

**NO. SOALAN: 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L  
KARPAL SINGH  
[ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)**

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [ Bukit Gelugor ] meminta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan berniat untuk meminda Kanun Keseksaan untuk mengiktiraf kesalahan rogol suami terhadap isteri (*marital rape*) dan sekiranya ya, nyatakan bila.**

**JAWAPAN:      YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya ingin merujuk kepada suatu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang telah ditubuhkan bagi mengkaji peruntukan berkaitan *marital rape* dan dapatan Jawatankuasa Khas tersebut telah dibentangkan semasa pembentangan Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 pada 12 Julai 2006.
2. Jawatankuasa Khas berkenaan telah dianggotai oleh:
  - (i) Y.B. Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Menteri di Jabatan Perdana Menteri;
  - (ii) Y.B. Datuk Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong);
  - (iii) Y.B. Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy (Cameron Highlands);
  - (iv) Y.B. Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah);
  - (v) Y.B. Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang);
  - (vi) Y.B. Tuan Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh); dan
  - (vii) Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh).
3. Berdasarkan kajian dan dapatan yang telah dibentangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut, Kerajaan memutuskan untuk

mengekalkan peruntukan yang berkaitan di bawah seksyen 375 Kanun Keseksaan iaitu persetubuhan antara suami isteri dalam perkahwinan yang sah di sisi undang-undang dan masih berkuat kuasa tidak boleh dianggap sebagai rogol. Sehingga kini, belum ada lagi cadangan untuk memindanya.

4. Walau bagaimanapun, perbuatan suami yang mendatangkan kecederaan kepada isterinya bagi tujuan mengadakan hubungan seks dengan isterinya telah dijadikan suatu kesalahan di bawah seksyen 375A Kanun Keseksaan yang berkuat kuasa mulai 7 September 2007. Hukuman bagi kesalahan ini ialah pemenjaraan tidak melebihi lima (5) tahun.

Sekian, terima kasih.